

Peringatan: pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai disekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca- P



(Khas bagi Majalah Qalam – tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*

-----*-----*

-----*-----*

Hashim bin Ibrahim, Batang Melaka bertanya : Betulkah atau tidak seorang Islam mengikut faham komunis itu tidak mempunyai agama?

Jawab: Telah sedia maklum bahawa faham dan perjalanan komunis itu adalah berdasar semata-mata kepada kebendaan dan tidak mempercayai selain daripada itu. Di dalam peraturannya mereka tidak meluluskan seseorang mempunyai hak milik sedang agama Islam meluluskan yang demikian itu. Agama Islam ialah satu agama yang mengasaskan ketuhanan dan mereka itu tidak mempercayai kepada Tuhan sebab mengikut faham mereka Tuhan itu di ada-adakan sahaja oleh manusia. Oleh yang demikian seseorang yang sebenar-benarnya berfaham komunis bukanlah ia seorang Islam malah telah menjadi murtad kerana fahamannya menafikan wujudnya Tuhan.

-----*-----*

Ghazali bin Ishak guru sekolah Melayu Sungai Penang bertanya: Kenapa orang-orang perempuan sembahyang pakai kain telekong putih – bolehkah dipakai yang lain warna?

Jawab: Boleh, warna kain tidak menjadi sebab sedang yang dikehendaki ialah menutup aurat-aurat mereka yang telah di tuntutan dalam masa sembahyang.

-----*-----*

Syuaib bin Haji Abdul Aziz Madrasah Islamiyah Bandar Maharani Muar bertanya : Harap tuan terangkan tujuan hadith yang maksudnya menuntut ilmu wajib di atas

tiap-tiap Muslim lelaki perempuan – adakah menuntut ilmu pada segala dunia yang ada dalam dunia atau pun ilmu yang membawa ke jalan akhirat sahaja – terlepaslah wajib di atas tiap-tiap seorang Muslim lelaki atau perempuan sekiranya menuntut ilmu dunia sahaja?

Jawab: Rasulullah (SAW) bersabda yang maksudnya: carilah ilmu kehidupan dunia kamu sebagai kamu hidup untuk selama-lamanya dan buatlah kamu untuk akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati esok. Di sini zahir bahawa adalah tiap-tiap seorang itu di tuntut mempelajari ilmu dunia dan akhirat – dunia – ialah untuk mengecap nikmat-nikmat yang di beri Tuhan kepada tiap-tiap hamba-Nya – bekerja dan berusaha dari satu ke suatu masa untuk di jadikan bekal kepada kebahagiaan akhirat iaitu di dalam masa mengerjakan keduniaan itu hendaklah patut mengikut perintah-perintah Allah yakni membuat amal jariah, bersedekah berbaik-baik dan sebagainya iaitu perkara-perkara yang di jalankan dengan ikhlas bagi mendapat kebahagiaan pada masa yang datang. Tetapi sekiranya ia hanya menuntut ilmu dunia sahaja maka tak dapat tiada ia akan melupakan faedah-faedah keduniaan itu pada masa hadapannya – yakni hari kemudiannya dan sebab itulah Islam menghendaki di tuntut kedua-duanya dan dengan itu, menurut pandangan kita, tidaklah lepas wajibnya kalau menuntut ilmu dunia sahaja dengan meninggalkan sama sekali ilmu akhirat.

Sebagai contoh atas keinsafan mustahaknya kehidupan dunia dan akhirat, Ikhwanul Muslimin yang mesyuarat di Mesir adalah membuat peraturan-peraturan yang tertentu kepada ahli-ahlinya.

Almarhum Syeikh Hassan Al-Bana ketua Ikhwanul Muslimin menyarakan faham-fahamnya adalah pada permulaannya masuk kampung keluar kampung, duduk bersama-sama orang kampung itu tidur bersama-sama mereka. Tengah malam mereka bangun sembahyang tahajjud (dalam sama yang begitu sunyi untuk menghampirkan diri seseorang kepada khalaknya). Kemudian pada Subuh mereka itu mengerjakan sembahyang dan membaca Al-Quran dan setelah habis fajar mereka itu pun riadah untuk kesihatan diri mereka. Setelah itu mereka pun mengharungilah mencari rezeki di bumi Allah ini untuk menegakkan agama oleh kerana sekiranya dikerjakan semata-mata akhirat sahaja agama akan runtuh dan demikian juga dikerjakan hanya dunia sahaja agama akan tertinggal dan tidak ada satu masa bagi mereka mengucapkan syukur atas nikmat yang telah di beri Tuhan mereka hidup di dunia ini dengan harapan mendapat keredhaannya.

Ini semuanya tidak akan dapat dan tidak akan sempurna kalau sekiranya tidak dengan ilmunya untuk menuju yang demikian itu.

-----*-----*-----

Muhammad Amin bin Haji Ridhuan, sekolah agama jalan Yusuf, Muar, Johor bertanya: Seorang muda kebiasaan suka bermain amrat (lelaki dengan lelaki) hal keadaannya seperti “berzina” dengan perempuan dan perbuatannya itu adalah menghilangkan syahwat. Oleh itu adakah perbuatan-perbuatan mereka itu di hukumkan seperti berzina atau tiada?

Jawab: Jika tuan perhati di dalam riwayat tawarih yang dibentangkan oleh Allah di dalam Quran yang mulia maka akan mendapati perbuatan yang demikian itu adalah perbuatan yang terkutuk oleh Allah. Ia lebih buruk dan lebih di cela daripada berzina di antara lelaki dengan perempuan. Di dalam masa di turunkan Nabi Allah Lut alaihissalam maka pengikut-pengikutnya Rasul yang mulia itu adalah melakukan perbuatan yang demikian – lelaki sama lelaki – perempuan sama perempuan dan Allah telah melaknatkan mereka dan menurunkan bala yang

sangat besar hingga negeri mereka di karamkan sama sekali.

Melihat balasan Tuhan yang demikian hebat maka perbuatan itu sangatlah di kutuk dan sangat di tegah dan yang demikian hendaklah dijauhi sama sekali.

-----*-----*-----

Muhammad Jirim bin Ahmad, Kuala Yan Kecil, Gurun, Kedah bertanya: Segala nasab-nasab zakat itu jikalau kita ambil buat memperbaiki segala-segala jambatan atau jalan raya, kita tidak mau beri kepada ahli-ahli yang di haruskan mendapatnya apakah hukumnya perbuatan yang demikian?

Jawab: Hak yang mendapat zakat itu ialah delapan (sebagaimana yang telah biasa di tulis di dalam majalah ini dan selain daripada itu tidaklah berhak di dalamnya. Pada zaman Rasullullah zakat itu adalah mengutamakan lebih dahulu untuk fuqara dan masakin supaya tidak ada di dalam lingkungan Islam itu orang-orang yang papa oleh kerana sekiranya mereka banyak yang papa sudah tentu kehidupan mereka melarat dan banyak yang akan terpalang perasaan dan hatinya daripada bertaqwa kepada Allah. Dengan sebab itu pada masa sekarang orang-orang telah meinsafi bahawa mustahak benar di susun dan di atur zakat-zakat itu supaya meliputi tujuan-tujuan untuk melepaskan kesengsaraan hidup tiap-tiap makhluk.

Jalan raya dan jambatan itu tidak termasuk di dalamnya sekiranya seseorang (persendiriannya) mengeluarkan zakat diuntukkannya untuk jalan raya dan jambatan, menurut pandangan kita, zakatnya tidak sah, sekiranya pemungut-pemungut zakat menggunakan kepada yang tersebut sedang hajat kepada yang demikian itu masih ada bagi delapan bahagian yang tersebut di dalam negeri itu maka orang itu akan menanggung balasan-balasan kerana merampas hak yang berkenaan terutamanya merampas hak fuqara dan masakin di dalam negeri itu.

Patut di sebut bahawa menurut pendapat kita, tidak sah zakat seseorang dihantarkan ke luar negeri (sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Indiana dan juga orang-orang

Arab) menghantar zakatnya ke tanah air asal mereka itu – dengan meninggalkan kepapaan yang terjadi di dalam tempat yang ia mencari rezeki daripadanya. Mereka itu adalah merampas hak-hak yang berkenaan di dalam negeri itu.

-----*-----*-----

Zainuddin Alwi, Chemor, Perak bertanya: Apakah bahasa yang digunakan oleh wakil-wakil dalam persidangan Mukhtar Al-Alam Islami di Karachi pada 9, 10, 11 dan 12 Februari 1951?

Jawab: Sepanjang kita ketahui masing-masing itu ada bercakap dengan bahasa masing-masing. Wakil-wakil Indonesia bercakap bahasa Indonesia. Di terjemahkan ke dalam bahasa Arab. Begitu seterusnya. Di dalam perbahasan yang panjang dengan anjuran daripada wakil Singapura telah di kehendaki supaya bahasa perantaraan ialah bahasa Arab sahaja oleh sebab dengan demikian adalah dapat di satukan lebih rapat lagi kehendak-kehendak yang tersebut. Hujah-hujah ini diterima dengan baik tetapi dengan keadaan yang ada sekarang maka bahasa masing-masing negeri itu adalah di hormati tetapi di harap masing-masing negeri berdaya upaya mentadbirkan supaya bahasa Arab itu untuk dijadikan bahasa perantaraan dan dengan kerana itulah di harap supaya pada masa-masa yang akan datang yakni telah meresap perasaan itu bahasa perantaraannya hanya bahasa Arab sahaja. Untuk langkah ini Pakistan telah melangkahkannya yang pertama yakni menjadikan bahasa Arab itu bahasa perantaraan di antara umat Islam sedunia.

Pakistan telah mengambil langkah yang pertama dalam perkara itu. Mereka telah menaja menjadikan bahasa Arab ini bahasa yang akan digunakan diseluruh Pakistan dan di dalam tiap-tiap sekolah telah di ajarkan bahasa itu sebagai bahasa yang kedua seperti bahasa Inggeris untuk kita di sini.

-----*-----*-----

Jamaluddin bin Yahya, Padang Cemau, Sungai Petani bertanya: Seorang Islam telah dapat sakit teruk kerana kekurangan darah oleh itu doktor terpaksa manambah darahnya

dengan darah yang tersimpan di dalam rumah sakit itu. Darah itu tentu darah orang Islamkah atau darah orang kafir?

Oleh yang demikian adakah orang sakit itu suci ia membuat sebarang amal kebajikan?

Jawab: Agama Islam menetapkan bahawa seseorang yang sakit itu hendaklah di ikhtiarkan untuk menyelamatkan nyawanya. Sekiranya di dapati nyawanya di dalam bahaya maka hendaklah di cari jalan untuk menyelamatkan daripada bahaya muat itu. Ulama-ulamak telah mengharuskan bahawa darah itu boleh digunakan kepada mereka yang berhajat kepadanya (setelah diluluskan oleh ilmu tabib) dengan mengambil nas perbandingan menghalalkan barang yang haram di makan – melepaskan daripada maut – dalam masa mereka itu di timpa sesuatu kemalangan yang tidak ada lagi ikhtiar selain daripada dengan di beri syarat-syarat yang tertentu. Darah itu tidak membawa najis kepada diri orang itu walaupun ia asalnya daripada darah kafir dan tidak ada tegahan baginya melakukan sebarang amal kebajikan kerana amal kebajikan itu terletak pada hati dan ikhlasnya.

-----*-----*-----

Hashim bin Ibrahim, Batang Melaka, Negeri Sembilan bertanya: Seorang perempuan Islam mengikut bangsa Nasara beragama Kristian dengan tidak nikah dan membawa agama masing-masing. Sekiranya mati perempuan itu bolehkah ditanam secara Islam?

Jawab: Boleh.

-----*-----*-----

Ahmad Osman 470 Kedai Nibong Yala, Siam bertanya: Apa hukumnya kepada pengawas-pengawas agama seperti makhamah syariah dan lain-lain sekiranya seorang perempuan Islam pergi ke makhamah hendak menukar agamanya kemudian makhamah itu bertanya kepada makhamah syariah, jawapan makhamah syariah menyatakan bahawa ia tidak menggugurkan perkara itu sehingga perempuan itu ditukar agamanya bagaimana pernah berlaku baharu-baharu ini?

Jawab: Jawapan mahkamah syariah itu tepat oleh kerana seseorang yang keluar daripada Islam itu (murtad) adalah dengan kemahuan dirinya sendiri. Perkara kepercayaan atau iman itu adalah tertanggung kepada diri tiap-tiap seorang. Kalau seorang telah murtad dengan kemahuannya sendiri adalah terpulang kepada dirinya dan tidak boleh dipaksakan atasnya. Agama Islam hanya memberikan penerangan-penerangan dan fikiran dengan alasan-alasan yang makqul kepada pemeluk-pemeluknya dan kepada orang lain untuk mempercayai kebesaran Allah dan keamanannya dan mempercayai Al-Quran dan Hadith yang diturunkan olehnya untuk panduan kepada Manusia. Tuhan menyuruh mereka berfikir melihat kepada kejadian-kejadian yang terbentang dihadapan matanya sendiri, terdengar oleh telinga sendiri dan terasa oleh pancainderanya sendiri untuk menunjukkan bukti akan adanya Allah Subhanahu wa Taala yang Maha Berkuasa. Demikian juga segala perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan yang di tunjukkan oleh Rasul kepada pemeluk-pemeluknya semuanya boleh di fikir dan di terima oleh akal yang siuman.

Dengan ini nyata bahawa kepercayaan itu adalah terpulang kepada diri masing-masing dan bagi mereka yang beriman dan merasa mempunyai tanggungan kepada agamanya maka ia hendaklah memberi penerangan-penerangan kepada pemeluk-pemeluknya dan juga kepada orang lain dengan cara yang boleh diterima akal umpamanya mengapa disuruh sembahyang – apa hikmatnya dan apa faedahnya. Ia disuruh membaca doa iftitah, di mana nasnya dan apa keterangannya samada daripada Al-Quran atau pun Hadith – tidak dengan hanya mengikut buta umpamanya ia disuruh membaca ini dan itu tidak payah di soal jawab lagi – tidak boleh ditanya lagi padahal ada pula di dalam bahagian itu di dapati bidaah-bidaah dan sebagainya. Tidak ada satu kekuasaan yang boleh menegah kemahuan seseorang yang hendak murtad tetapi yang hanya ada ialah memberi nasihat dan petunjuk tentang kebaikan dan kesempurnaan agama dengan cara-cara keterangan yang munasabah.

Wan Adam bin Wan Ismail, Kampung Pasir, Kota Bharu Kelantan bertanya: Apa hukumnya seorang yang masuk syarikat kemudian di tetapkan kepada ahli-ahli syer itu patut membayar sebanyak yang tertentu, umpamanya satu syer berharga \$1,000 kemudian di tetapkan “keuntungan” kepada ahli syer itu sebanyak \$200 tiap-tiap bulan samada perusahaan itu untung atau rugi – adakah wang yang di tetapkan itu menjadi riba atau tidak?

Jawab: Wang yang dimasukkan dalam suatu perniagaan itu kalau tidak untung rugi dan keuntungan-keuntungan yang di dapat daripada yang disebutkan di atas itu tidak di namakan perniagaan dan yang demikian itu sudah tetap riba.

-----*-----*-----

Mahiram, Sungai Bil, Slim Village, Perak bertanya: Seorang perempuan hendak berkhadam Quran tetapi ia di dalam haid bagaimana hendak berkhadam?

Jawab: Banyak ulama-ulama yang menghukumkan haram seorang perempuan yang haid membaca al-Quran dengan beralasan kepada dua hadith yang tersebut di bawah ini:

Yang pertama – maksudnya : “Ibnu Umar telah berkata – Nabi (SAW) telah bersabda – tidak boleh membaca Quran orang yang junub dan tidak boleh (pula) perempuan yang haid” (hadith riwayat Abu Daud Tirmizi dan Ibnu Majah)

Yang kedua – telah berkata Jabar: Rasulullah (SAW) bersabda – perempuan haid dan nifas telah membaca sesuatu daripada Quran. (hadith riwayat dan Qatni). tetapi kedua-dua hadith ini telah di tolak oleh ulama ahli hadith oleh kerana lemahnya. Yang pertama hadith itu tidak sah kerana di dalam isnatnya terdapat orang yang bernama Ismail bin Abbas dan hadith yang kedua terdapat pula di dalam isnatnya Muhammad bin Fadhlil seorang yang terkenal tukang membuat hadith palsu.

Dengan tidak ada keterangan yang tersebut ulama-ulama ini berpendapat tertolak hukum itu yakni hukum perempuan yang haid dan nifas tidak boleh membaca Quran.